

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL 3/2014**

### **PENGGUNAAN SISTEM e-BORANG DALAM URUSAN TANAH NEGERI PULAU PINANG**

#### **1. TUJUAN**

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan Sistem e-Borang dalam Pentadbiran Tanah Negeri Pulau Pinang.

#### **2. PENGENALAN**

- 2.1. Sistem e-Borang merupakan langkah pertama Kerajaan ke arah e-Submission iaitu perserahan urusan tanah secara atas talian.
- 2.2. Dengan penggunaan Sistem e-Borang, pelanggan yang terdiri dari peguam atau orang persendirian akan mengisi sendiri borang berkanun urusan tanah secara atas talian.
- 2.3. Pegawai di PTG/PDT hanya perlu membuat semakan ke atas borang yang telah dilengkапkan.
- 2.4. Adalah dijangkakan penggunaan Sistem e-Borang akan memudahkan pelanggan dan Pentadbiran Tanah serta mempercepatkan proses permohonan dan perserahan urusan tanah. Urusan juga akan lebih telus dan sistematis di samping mengurangkan ralat kemasukan data.
- 2.5. Penggunaan Sistem e-Borang adalah merujuk kepada pengisian borang-borang berkanun urusan tanah oleh Pejabat Peguam atau Persendirian secara atas talian sebelum urusan sebenar dilaksanakan di PTG/PDT di Pulau Pinang.
- 2.6. Namun begitu, dokumen serta borang berkanun masih diperlukan semasa perserahan dilakukan di kaunter Pentadbiran Tanah. Ianya sebagai langkah pertama ke arah *e-Submission* (Perserahan secara Online) apabila Jadual ke 16 KTN dikuatkuasakan kelak.

### **3. BORANG-BORANG TERLIBAT**

3.1.Borang-borang yang terlibat adalah seperti yang dinyatakan dalam laman web <http://etanah.penang.gov.my> di bawah tajuk eBorang.

### **4. KELEBIHAN YANG PERLU DIBERIKAN KEPADA PENGGUNA SISTEM e-BORANG**

4.1 Secara keseluruhan penggunaan Sistem e-Borang akan memudahkan kakitangan di kaunter dan kerani kemasukan di PTG/PDT Pulau Pinang.

Oleh itu pelanggan yang menggunakan Sistem e-Borang akan diberikan kemudahan berikut:

4.1.1. Kaunter Khusus (*Fast Lane*);

4.1.2. Memperolehi keutamaan pendaftaran untuk semua urusan tanah;

### **5. PANDUAN PENGGUNAAN**

- i. Buka Laman Portal e-Tanah di <http://etanah.penang.gov.my> .
- ii. Pada skrin Portal e-Tanah, klik log masuk dan bagi pengguna yang baru, anda dikehendaki mendaftar terlebih dahulu.
- iii. Kemudian, klik "Laman Utama Borang Online" dan skrin aplikasi kemasukan data akan dipaparkan.
- iv. Skrin akan menunjukkan kesemua senarai borang yang disediakan dalam aplikasi kemasukan data. Untuk membuat pengisian borang, klik pada ikon isi dan membuat pengisian mengikut panduan yang disediakan.
- v. Setelah selesai, borang tersebut perlu dicetak. Borang yang dicetak akan disertakan bersama-sama dengan senarai semak yang mempunyai barcode. Borang yang telah lengkap berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan bolehlah dibawa untuk urusan di Pejabat Tanah.

## **6. TARIKH KUATKUASA**

6.1. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **7. PENGECAULIAN**

7.1. Tiada apa-apa pengecualian dalam melaksanakan Surat Pekeliling ini.

## **8. PERTANYAAN**

8.1. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini bolehlah diajukan kepada:

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang

Paras 21 dan 22, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang

Tel : 04-650 5698

Faks : 04-264 4495

Emel : <http://ptg.penang.gov.my>

  
Dato' Haj Arifin Bin Awang  
Pengarah Tanah Dan Galian  
Negeri Pulau Pinang.

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian,  
Pulau Pinang  
17 hb. April 2014.